

KEHADIRAN BARAT DAN KESANNYA TERHADAP KESUSASTERAAN MELAYU

Mohd. Zariat Abdul Rani

Pengenalan

Sejarah di alam Melayu menyaksikan bagaimana daerah tersebut pernah menerima campurtangan dan pengaruh luar. Selain Hinduisme dan Islam, kehadiran penjajah Barat, khususnya pihak kolonial British di Tanah Melayu dikatakan memberikan kesan yang signifikan terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakatnya. Bidang yang turut tidak ketinggalan menerima kesan daripada kolonialisasi itu ialah kesusasteraan Melayu, yang dianggap mengalami perubahan yang signifikan kesan daripada kehadiran orang Barat. Pandangan ini antaranya terkandung dalam Syarahan Pengukuhan Syed Muhammad Naquib Al Attas (seterusnya Al Attas) yang menganggap bahawa kesusasteraan Melayu selepas era penjajahan telah teranjak daripada semangat dan tradisi Islam akibat campurtangan orang Barat. Sehubungan itu, Al Attas menganggap bahawa penobatan Abdullah bin Abdul Kadir sebagai "Bapa Kesusasteraan Melayu Moden" merupakan satu daripada "bikinan" orang Barat dalam usaha untuk menyerlahkan kesignifikanan kehadiran mereka di alam Melayu, sebagaimana yang dijelaskannya dalam

petikan di bawah:-

...memang merupakan satu kecenderungan yang nyata tampak ada pada para orientalis Barat, yang seolah-olah **sengaja mengaitkan kejadian-kejadian penting dalam sejarah Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia**-seperti timbulnya paham rasionalisme dalam pandangan hidup Melayu-Indonesia, timbulnya unsur-unsur moden dan sifat-sifat baru dalam sejarah bahasa dan kesusasteraan Melayu-Indonesia - **dengan kedatangan orang-orang Barat dan kebudayaannya ke daerah ini**" [Penekanan ditambah](Al Attas 1990:69).

Hujah Al Attas ini mengundang perbincangan lanjut, terutamanya pandangan beliau tentang sifat dan ciri yang terserlah pada karya-karya sastera yang terhasil dalam period yang lazimnya dikenali sebagai period "Kesusasteraan Melayu Moden/Baru". Dalam hal ini, Al Attas tidak sahaja memperakukan peranan Barat dalam pembikinan period tersebut, tetapi turut menjelaskan kesan kehadiran pengaruh Barat terhadap kesusasteraan Melayu. Apa yang menarik untuk dibincangkan di sini ialah pandangan Al Attas yang menganggap bahawa kehadiran pengaruh Barat itu menyebabkan kegiatan kesusasteraan Melayu tidak dapat mencerminkan sifat dan ciri kebudayaan Melayu yang sebenar, sebagaimana yang jelas pada kenyataan beliau dalam petikan di bawah:-

Sesungguhnya, kesusasteraan Melayu-Indonesia yang disebut "baru" atau "moden" itu belum cukup dewasa untuk disebut "kesusasteraan" sebab belum dapat merangkum seluruh bidang **kebudayaan yang mencerminkan jiwa dan hasrat masyarakat Melayu -Indonesia**, belum mampu ke **alam filsafat dan agama**, ke alam

pikiran luhur, belum menyelami **lautan rasa-cita masyarakat** seluruhnya; belum mengenal **sentuhan ruhaniah pada kecapi kalbunya** [Penekanan ditambah bagi memperlihatkan aspek-aspek penting yang dituntut oleh Al Attas](Al Attas 1990:70).

Pandangan Al Attas seperti di atas turut menjentik persoalan tentang apakah sifat dan ciri yang terserlah daripada karya-karya sastera Melayu moden/baru itu, sekiranya bukan sifat dan ciri kebudayaan Melayu seperti yang diamati oleh Al Attas. Persoalan ini seterusnya mendorong pengamatan tentang kesan kehadiran pengaruh Barat terhadap kesusasteraan Melayu, terutamanya dari segi konsep dan praktik sastera yang digunakan. Ini kerana kehadiran orang Barat dianggap oleh Al Attas telah menganjakkan semangat dan tradisi Islam yang sebelumnya mendasari kegiatan kesusasteraan Melayu. Untuk itu, perbincangan ini akan memanfaatkan pengakuan dan pengamatan beberapa sasterawan dan pengkritik sastera Melayu masa kini, dan membandingkannya dengan kenyataan serta penjelasan orang Barat tentang konsep dan praktik kesusasteraan mereka. Perbandingan ini penting kerana ia dapat menyerlahkan beberapa pemahaman tentang sejauhmana kehadiran pengaruh Barat dapat memberikan kesan terhadap konsep dan praktik kesusasteraan Melayu masa kini. Sayugia dijelaskan bahawa istilah "moden", "baru" dan "masa kini" akan hadir secara kerap dalam perbincangan ini, dan ia tidak digunakan secara tegar, sebaliknya merujuk kepada period dan karya sastera yang dihasilkan selepas dunia kesusasteraan Melayu menerima kehadiran penjajah Barat, yang lazimnya ditandai oleh karya-karya Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, iaitu sekitar abad ke 19 Masihi. Sebelum itu, penting untuk perbincangan dimulakan dengan penjelasan serba sedikit tentang proses yang membawa kepada kehadiran penjajah Barat di alam Melayu, selain meneliti beberapa pandangan yang menyentuh tentang kesan daripada kemasukan pengaruh Barat itu.

Kehadiran Pengaruh Barat Dalam Kesusasteraan Melayu

Dapat dikatakan bahawa alam Melayu mula menerima kehadiran Barat pada sekitar abad ke 16 Masihi, iaitu dengan bermulanya penawanan Portugis ke atas Melaka pada tahun 1511. Kehadiran mereka pada ketika itu lebih bermotifkan kepada kepentingan ekonomi, serta tidak banyak meninggalkan kesan yang mendalam terhadap kegiatan kesusasteraan Melayu. Namun, perkembangan ini berubah, khususnya dengan kedatangan penjajah Inggeris yang tidak sahaja berminat untuk menguasai bahan-bahan mentah, tetapi turut campurtangan dalam hal-hwal politik di Negeri-negeri Melayu. Ini kerana penguasaan politik dianggap sebagai kelebihan (*advantage*) yang dapat menawarkan peluang yang lebih kepada mereka untuk mencapai matlamat bagi menguasai ekonomi di Tanah Melayu. Penguasaan politik oleh penjajah Inggeris bermula dengan campurtangan mereka dalam hal-hwal pentadbiran di Tanah Melayu, yang diikuti dengan pengenalan dasar-dasar penting, seperti "Sistem Residen" dan "Dasar Pecah dan Perintah" (*Divide and Rule Policy*). Dalam hal ini, Al Attas menganggap bahawa dasar-dasar pentadbiran yang diperkenalkan oleh penjajah Barat sebagai dasar-dasar yang bersifat "Deislamization", lantaran ia dengan jelas meminggirkan peranan dan kepentingan Islam (Al Attas 1978: 98). Penting untuk difahami pandangan Al Attas yang menganggap bahawa pengenalan dan pelaksanaan dasar-dasar "Deislamization" itu merupakan lanjutan daripada sentimen permusuhan, yang dari segi sejarahnya sedia wujud antara Islam dan Kristian, sebagaimana yang tercetus sepanjang siri peperangan Salib. Menurut Al Attas, "permusuhan tradisi" antara Islam dengan Kristian, yang pada awalnya dimanifestasikan melalui misi peluasan wilayah dan serangan ketenteraan, kini beralih kepada "peperangan intelektual", yang meletakkan minda serta pemikiran umat Islam sebagai sasaran utama yang perlu ditewaskan, sebagaimana yang diperjelaskan dalam petikan di bawah:-

The confrontation between Western culture and civilization and Islam ...has now moved on to

the intellectual level and we must realize, then, that this confrontation is by nature a historically permanent one. Islam is seen by the West as posing a challenge to its very way of life [Penekanan ditambah](Al Attas 1978:99).

Seperti yang telah dijelaskan di atas, pelaksanaan dasar-dasar pentadbiran Barat di Tanah Melayu rata-rata tidak mengambil kira peranan dan kepentingan Islam. Dalam konteks ini, Al Attas berpendapat bahawa pengenalan dan pelaksanaan dasar-dasar pentadbiran yang bersifat "Deislamization" itu bertujuan untuk menjarakkan dan kemudiannya memutuskan masyarakat Melayu daripada semangat dan tradisi Islam, yang sebelumnya mendasari kebanyakan aspek kehidupan mereka (Al Attas 1978:98). Ini, antaranya berlaku dalam bidang pendidikan, terutamanya apabila penjajah Barat melaksanakan sistem pendidikan vernakular yang berteraskan pengenalan jati diri dan identiti kaum bagi menggantikan sistem pendidikan Islam. Menurut Al Attas, teras dalam sistem pendidikan vernakular bertentangan semangat dan tradisi Islam yang mengeneipkan soal perbezaan kaum, sebaliknya bertunjangkan kepada pegangan terhadap Tauhid. Pelaksanaan sistem pendidikan vernakular ini juga dengan jelas meminggirkan semangat dan tradisi Islam, apabila mata pelajaran yang sebelumnya dianggap penting dalam sistem pendidikan Islam dimansuhkan. Ini, umpamanya ketara dalam pengamatan Awang Had Salleh tentang laporan jemaah pendidikan yang diketuai oleh R.O. Winstedt pada 1917, yang mencadangkan pemansuhan pengajian al Quran di sekolah-sekolah Melayu (Awang Had 1979:69). Selain memisahkan Islam daripada bidang-bidang keilmuan dengan menanganinya secara keduniaan, iaitu tidak mengaitkannya dengan aspek-aspek bercorak keagamaan dan ketuhanan, proses "Deislamization" dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu menurut Al Attas diperkuatkan lagi dengan pemansuhan sistem tulisan dan ejaan Jawi, dan pengenalan sistem tulisan dan ejaan Rumi. Langkah ini menurut Al Attas semakin menjarakkan masyarakat Melayu

daripada semangat dan tradisi Islam, lantaran kelemahan menguasai tulisan dan ejaan Jawi secara tidak langsung membataskan penguasaan terhadap ajaran Islam. Ini berlaku kerana tulisan dan ejaan Jawi untuk sekian lamanya menjadi medium dalam kegiatan dan tradisi keilmuan Islam di alam Melayu (Al Attas 1978: 121).

Seterusnya, perkembangan di atas turut memberikan kesan yang besar terhadap kesusasteraan Melayu, terutamanya apabila pengenalan sistem ejaan dan tulisan Rumi kemudiannya membekukan tradisi persuratan Islam yang berteraskan sistem tulisan dan ejaan Jawi. Perkembangan ini, menurut Al Attas ditambahkan lagi dengan kecenderungan orientalis Barat yang gemar menonjolkan kepentingan sumbangan karya-karya sastera zaman pra-Islam, khususnya Hinduisme yang dianggap telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap sejarah dan kebudayaan Melayu (Al Attas 1978: 120). Seterusnya, menurut Al Attas, pengenalan dan penerapan falsafah serta pemikiran Barat melalui sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh Barat semakin memutuskan kegiatan sastera daripada tradisi persuratan Melayu zaman Islam, apabila orientalis Barat "membina" (construct) benteng yang bersifat periodikal dengan memperkenalkan istilah "moden" dan "baru", guna merujuk kepada period kesusasteraan Melayu selepas kehadiran mereka (Barat). Pengaruh awal Barat jelas apabila period yang dikenali sebagai "Kesusasteraan Melayu Moden" itu diperkayai dengan genre-genre dari Barat, seperti novel, cerpen dan sajak, yang sekaligus menenggelamkan bentuk-bentuk karya sastera pada zaman Islam, terutamanya hikayat dan syair. Perkembangan ini, antaranya diamati oleh A. Wahab Ali yang memperakukan peranan penjajah Barat dalam memperkenalkan genre-genre sastera yang baru, terutamanya novel ke dalam sastera Melayu (A Wahab Ali 1988:91-92). Apa yang menarik ialah pengamatan beliau yang turut menjelaskan tentang peranan penjajah Barat dalam memperkenalkan genre-genre sastera tersebut melalui pelaksanaan sistem pendidikan sekular (A. Wahab Ali 1988:93). Pandangan beliau ini turut sejajar dengan pengamatan Mohd. Affandi

Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) yang menganggap kehadiran genre-genre sastera dari Barat ini telah mengeneipkan bentuk-bentuk sastera Melayu pada zaman Islam. Apa yang lebih penting menurut beliau ialah kehadiran pengaruh Barat ini telah menghilangkan ciri-ciri keluwesan dan kedinamikan bentuk-bentuk karya zaman Islam, yang fungsinya dianggap saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain (Mohd. Affandi Hassan 1994:37).

Seterusnya, kebanjiran genre-genre sastera dari Barat ini juga memperlihatkan pudarnya semangat dan tradisi persuratan Islam, terutamanya apabila karya-karya sastera Melayu moden semakin berani memperagakan falsafah dan pemikiran Barat. Ini, antaranya terkandung dalam pengamatan Shafie Abu Bakar yang menganggap bahawa ciri-ciri yang sebelumnya hadir dalam karya-karya sastera Barat seperti permisif, anarkis, bohemian dan lucu semakin terserlah pada karya-karya sastera Melayu moden (Shafie Abu 1977:19). Menurut Yusoff Zaki Yacob, kecenderungan terhadap konsep dan praktik kesusasteraan Barat antaranya jelas apabila karya sastera Melayu masa kini tidak lagi mencerminkan keterikatan manusia dengan agama, sebagaimana yang diamalkan di Barat (Yusof Zaki 1987:11). Kecenderungan sastera Melayu moden terhadap Barat turut tergambar dalam penjelasan Abdul Ghani Ismail yang menganggap bahawa karya-karya sastera Melayu moden turut menjadi manifestasi "pemberontakan metafizika manusia", sebagaimana kata beliau yang menjadi pegangan sasterawan Barat,

Rasanya tidak salah sekiranya kita berkata bahawa cita-cita tinggi para sasterawan kita adalah untuk melihat hasil karyanya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, bukan ke dalam bahasa Arab atau Urdu. Ini membuktikan ke arah mana sebenarnya orientasi nilai kita walaupun kandungan karyanya itu panas dengan semangat kebangsaan...**Penjajah**

telah berikhtiar memisahkan kita dari tradisi besar Islam dan dari dasar inilah terbitnya pemberontakan metafizika yang menjadi ciri sasterawan Melayu moden [Penekanan ditambah] (Abdul Ghani 1986:19-20).

Pengamatan Abdul Ghani Islam ini dapat diperincikan lagi oleh penjelasan Mohd. Affandi yang menganggap bahawa kecenderungan terhadap Barat jelas dalam pengisytiharan beberapa kumpulan sasterawan seperti Angkatan 45 dan ASAS 50 tentang falsafah perjuangan sastera mereka. Ini, menurut beliau menyebabkan "Kesusasteraan Melayu Baru (Moden)" menjadi kegiatan yang cenderung terhadap konsep dan praktik sastera di Barat, sebagaimana katanya dalam petikan di bawah:-

...kita telah membiarkan perkembangan "sastera Melayu baru" itu hanyut tanpa satu falsafah seni atau falsafah penulisan yang jelas, sehingga akhirnya "sastera Melayu baru" itu hanyut dalam acuan Barat sepenuhnya, dengan sasterawan, sarjana dan pengkritik sastera tenggelam dalam pengaruh faham penulisan serta kritikan yang dikembangkan di Barat (Mohd. Affandi Hassan 1999:1).

Himpunan pandangan-pandangan di atas antara lain menyerlahkan pemahaman tentang kehadiran pengaruh Barat yang dianggap telah memberikan kesan yang signifikan terhadap kesusasteraan Melayu masa kini. Apa yang ketara ialah kehadiran pengaruh Barat dianggap telah mendorong kecenderungan sastera Melayu masa kini terhadap Barat, khususnya dari segi pegangan terhadap konsep dan praktik sastera. Berasaskan pemahaman ini, perbincangan selanjutnya akan meneliti beberapa aspek yang berkaitan dengan konsep dan praktik sastera Melayu masa kini berasaskan pengakuan dan pengamatan pengkritik sastera Melayu.

Kecenderungan Sastera Melayu Terhadap Barat: Pengakuan Sasterawan dan Pengamatan Pengkritik

Seperti yang dinyatakan, perbincangan ini akan memanfaatkan pengakuan sasterawan dan pengamatan pengkritik, guna mengenalpasti konsep serta praktik yang menjadi amalan dalam kegiatan sastera Melayu masa kini. Selain itu, perbincangan akan turut mengamati konsep dan praktik sastera di Barat, dalam usaha untuk mengenalpasti kesejajaran dan seterusnya kecenderungan sastera Melayu masa kini. Untuk itu, pengamatan akan dimulakan dengan perbincangan tentang konsep sastera yang menjadi asas penghasilan karya-karya sastera Melayu masa kini. Antara yang dikenalpasti ialah kecenderungan terhadap konsep sastera yang berasaskan "peniruan" (mimesis). Keselesaan sastera Melayu masa kini terhadap konsep sastera antaranya jelas dalam pengakuan Sasterawan Negara A. Samad Said (seterusnya Samad) tentang proses kreatifnya. Menurut Samad, kegiatan kreatif beliau lazimnya dimulai dengan catatan terhadap peristiwa yang disaksi dan dialaminya, sebelum menyesuaikan catatan-catatan tersebut mengikut rangka cerita atau plot yang disediakan (A. Samad Said 1987: 24-29). Penjelasan Samad ini banyak menggambarkan kesenangannya terhadap konsep "peniruan" dalam proses berkarya, sebagaimana yang ketara dalam pengakuan beliau:-

...yang disampaikan - atau disalin- oleh penulis ialah kehidupan. Mungkin kehidupan yang sepenuhnya 'real', ataupun yang separuh khayal. Penulis wajar kembali kepada kehidupan, menangguk ilham daripada geloranya. Betapa kuat pun daya khayalnya (kecualilah dirinya 'teranugerah'), **seorang penulis terpaksa meminjam dan menyalin daripada kehidupan** [Penekanan ditambah](A. Samad Said 1992:42).

Seterusnya, konsep sastera yang berasaskan "peniruan" juga dilihat turut mendasari pemahaman Shahnnon Ahmad (seterusnya Shahnnon) tentang proses kreatif. Beliau yang juga merupakan penerima Anugerah Sastera Negara turut menganggap bahawa "peniruan" merupakan satu ciri penting dalam fiksiyen, dan dengan itu, mendominasi proses penghasilan karya sastera, seperti yang jelas dalam pengakuannya, "...fiksiyen seperti cerpen atau novel sememangnya berlandaskan dunia yang sebenar. Ianya bukan dongengan. **Ianya bercampur gaul dengan pengalaman hidup pengarang baik secara sedar mahupun tidak sedar**" [Penekanan ditambah](Shahnnon Ahmad 1995b:6).

Apa yang menarik untuk diamati ialah pandangan kedua-dua orang sasterawan Melayu ini yang jelas mencerminkan kesenangan mereka terhadap konsep "mimesis", sama seperti yang difahami di Barat. Ini, antaranya jelas dalam petikan kenyataan Shahnnon seperti di atas, terutamanya apabila beliau menyebut tentang "kehidupan yang realiti dan bukan cerita dongeng". Soal realiti ini juga yang antaranya menjadi hujah orang Barat, seperti Alfred North, J.T. Thompson, R.J. Wilkinson dan C. Skinner dalam melakarkan ciri "kemodenan" sastera Melayu, yang menurut mereka terserlah dalam tulisan-tulisan Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi yang dikatakan "berpijak di bumi nyata" itu (Ungku Maimunah 1997:193-184 & 1999:4-7). Penting untuk difahami bahawa konsep sastera yang berasaskan "peniruan" menjadi perbincangan hangat di Barat sejak zaman Greek Purba lagi (McKeon 1952: 147-148). Pada zaman tersebut, konsep seni/sastera berasaskan "peniruan" ditentang oleh Plato, tetapi dipertahankan oleh Aristotle serta pengikut-pengikutnya yang menganggap bahawa "peniruan" mereka itu bukan satu peniruan biasa, sebaliknya mencerminkan dengan jelas perihal kehidupan manusia (Daiches 1956:37). Seterusnya, pegangan sasterawan Barat terhadap konsep sastera berasaskan "mimesis" menjadi semakin kukuh menjelang abad ke 15 Masihi, sejajar dengan kepesatan gerakan Renaissance yang berusaha untuk menghidupkan kembali falsafah kesenian/kesusasteraan Greek Purba (Ahlstrom 1972:71). Kesan

daripada gerakan yang bersifat intelektual ini, "mimesis" menjadi semakin serasi di Barat dan dianggap oleh Erich Auerbach sebagai "fungsi formal" (formal function) yang mendasari kesusasteraan mereka (Barat)(Gebauer & Wulf 1992: 7). Keserasian Barat dengan konsep sastera berasaskan "mimesis" ini antaranya jelas dalam pemahaman John D. Lyons dan Stephen G. Nichols Jr tentang kesusasteraan, sebagaimana yang dijelaskan:- "Literature, like other arts, is therefore **an imitation of some reality outside it self**. In western culture, judgements of its values and theories of its production have been largely concerned with the difference between the representing and the represented objects [Penekanan ditambah](Lyons & Nichols Jr. 1982:1).

Selain "mimesis", konsep sastera Barat juga banyak dipengaruhi oleh konsep "tragedi". Konsep ini, yang menunjangi falsafah kesenian zaman Greek Purba banyak bertolak daripada pemahaman tentang realiti kehidupan manusia yang dianggap sinonim dengan kecelakaan dan nasib malang (Daiches 1956: 26). Menurut David Daiches, penerapan konsep "tragedi" dalam karya-karya sastera Barat antaranya dimanifestasikan melalui struktur plot yang menekankan "konflik" dan "aksi dramatik", guna membangkitkan rasa "belas" dan "gerun" (pity and fear), sebagaimana katanya:- "Tragedy is the Plot...Tragedy is primarily an imitation of action, and that it is mainly for the sake of the action that it imitates the personal agents (Daiches 1956:27). Penjelasan ini, dengan tepat menjelaskan bahawa pemaparan konflik dan pergolakan hidup manusia yang tercetus daripada "tragedi" menjadi satu daripada ciri penting yang mewakili karya-karya sastera di Barat (Muir 1929:41). Secara praktiknya, konflik ditangani dalam sastera Barat sebagai penggerak keseluruhan karya (lebih jelas dalam genre novel dan drama), dan terlerainya konflik bererti tamatlah cerita yang dipaparkan (Rand 2000:23). Peranan konflik dalam karya sastera Barat antaranya jelas pada penjelasan Leon Surmelian yang menganggap, "...there is absolutely no drama, no story, no art without conflict" (Surmelian 1968: 108). Kecenderungan yang serupa juga jelas dalam sastera Melayu masa kini,

yang turut menanggapi konflik atau krisis sebagai faktor yang menggerakkan sesebuah karya, sepertimana yang diakui oleh Shahnnon:- "Saya yakin, kalau umpamanya kita menyoal A. Samad Said, atau Anwar Ridhwan atau S. Othman Kelantan kita akan memperolehi jawapan bahawa **memang konflik atau tikaian manusialah idea pokok yang mengilhamkan mereka** dan yang menjadi titik mula proses kreatif mereka [Penekanan ditambah] (Shahnnon Ahmad 1995b:25). Petikan ini turut menjelaskan tentang pemahaman Shahnnon yang menekankan fungsi konflik dalam kegiatan kreatif, terutamanya apabila beliau menyatakan, "...konflik adalah premis yang utama yang perlu dieksploit oleh pengarang untuk melahirkan sebuah karya sastera yang bernilai tinggi. Perkembangan plot, perkembangan latar dan seterusnya perkembangan episod cerita bergantung pada pertentangan yang tumbuh dan berkecamuk...."(Shahnnon Ahmad 1994: 22). Soal "konflik" ini juga yang dimaksudkan oleh Samad apabila beliau menghuraikan tentang soal "kekacauan", yang menurut beliau menjadi intipati dalam novel Musafir karya Hassan Ali dan Desa Pingitan karya Ibrahim Umar (A. Samad Said 1992:33). Pemahaman Samad terhadap konflik ini turut mempengaruhi pemahaman beliau tentang kesusasteraan, yang ditanggapinya sebagai, "...laporan hidup daripada siri krisis yang dihadapi oleh manusia (A. Samad Said 1992: 34). Perbincangan juga berpendapat bahawa kecenderungan terhadap konflik turut mendorong pemaparan kisah-kisah kelemahan, keburukan dan kejahatan dalam kehidupan manusia menerusi karya sastera. Praktik ini jelas berkait rapat dengan⁸ konsep "tragedi" yang menekankan soal ketidaksempurnaan kehidupan manusia yang dianggap tidak sunyi daripada masalah, kelemahan dan kejahatan. Pemahaman seumpama ini antaranya jelas dalam penjelasan Samad tentang fungsi sastera, yang dianggapnya sebagai wadah untuk menyerlahkan kepincangan dan ketidaksempurnaan hidup manusia, sebagaimana katanya:- "Sastera yang berseni tidak sahaja mencerminkan, tetapi **menunjukkan segala retak pada cermin tersebut**" [Penekanan ditambah](A. Samad Said 1992: 38). Pemahaman ini dapat dijadikan petanda yang menunjukkan bahawa soal kejahatan, keburukan dan

kelemahan dalam kehidupan manusia (disebutkan oleh Samad sebagai 'retak pada cermin") memang menjadi fokus dalam sastera Melayu kini. Kesejajaran pandangan ini dengan Barat jelas apabila pemahaman Samad itu dibandingkan dengan kenyataan Don Cupitt, seorang penulis Barat yang melakarkan ciri-ciri sebuah "cerita" yang baik dan menarik mengikut perspektif sastera Barat, sebagaimana katanya, "...the stories must not be too sweet; if they are to be of any real use to the child, they must be grim and Grimm" [Penekanan ditambah](Cupitt 1991:33).

Kenyataan-kenyataan di atas dengan jelas menampakkan bagaimana kecenderungan terhadap konflik memungkinkan penonjolan soal kejahatan, keburukan dan kelemahan kehidupan manusia yang menjadi ramuan penting dalam proses kreatif. Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Shahnnon yang berpendapat bahawa sastera berpusat pada konflik dan permasalahan hidup manusia, sebagaimana menurutnya yang tergambar melalui dominasi watak-watak berdilema. Justeru, beliau berpendapat bahawa pemaparan watak-watak yang bermasalah tidak dapat dielakkan kerana menurut beliau soal kemanusiaan dalam sastera "berkaitrapat" (diungkapkan sebagai "seerti") dengan permasalahan hidup manusia. Malah, Shahnnon menganggap bahawa konflik dan permasalahan hidup manusia menawarkan proses kreatif yang menarik, sepertimana katanya:- "Karya sastera yang penuh dengan permasalahan para watak dan yang dieksploitasi secara indah lagi berkesan oleh pengarang akan menjadi pengalaman yang sememangnya dicari oleh pembaca yang serius" (Shahnnon 1994: 23). Pemahaman Shahnnon ini tidak banyak berbeza dengan pandangan Don Cupitt yang menganggap bahawa:-"Stories about bad people and bad things that may happen are very useful, insofar as they forewarn us and make us more resourceful"(Cupitt 1991: 32). Turut penting untuk diamati akan pengamatan seorang lagi Sasterawan Negara, iaitu Arena Wati tentang pengertian manusia. Dalam perbincangan beliau tentang proses kreatif, beliau menjelaskan bahawa manusia memiliki dua sifat yang disebutkan sebagai "kebajikan" (digolongkannya bersama sifat "lawwamah" dan

"ammarah") dan "keinginan syahwat" (dirangkumkannya antara sifat "supiah" dan "mutmainnah"). Oleh itu, manusia menurut kaca mata Arena Wati merupakan gabungan antara sifat-sifat baik dan jahat, sebagaimana katanya sendiri, "tidak wajar, malah tidak logik dalam dunia realiti kalau seseorang manusia bersifat seratus-peratus baik dan yang lain seratus-peratus buruk. Berdasarkan realiti ini juga, maka tidak ada manusia yang sempurna dalam segala-galanya"(Arena Wati 1996: 33). Apa yang ketara dalam penjelasan ini ialah bagaimana soal ketidaksempurnaan dan kelemahan dianggap sebagai "realiti" yang tidak dapat dipisahkan daripada manusia. Dalam konteks ini, Arena Wati menyerahkan kepada sasterawan untuk memilih dan menentukan fokus karya mereka, sama ada untuk memaparkan kebaikan atau kejahatan manusia.

Seterusnya, soal konflik dan kejahatan yang dikaitkan dengan "realiti" seperti yang diperkatakan di atas turut mengundang perbincangan lanjut. Ini kerana soal "realiti" kehidupan manusia ini menjadi antara perbincangan sastera yang hangat di Barat sekitar abad ke 18 dan 19 Masihi, sejajar dengan kebangkitan aliran "realisme". Menurut aliran ini, sastera menjadi manifestasi "realiti" kehidupan manusia tanpa mencampur adukkannya dengan unsur-unsur yang bersifat "supernatural" atau transenden. Peminggiran kedua-dua aspek tersebut bertolak daripada pemahaman orang Barat tentang kecukupan "realisme" yang bersandarkan keupayaan pancaindera (human senses) dalam menangani soal realiti kehidupan manusia. Lantaran itu, kebanyakan karya yang dihasilkan mengikut aliran ini lazimnya memberikan fokus dan rakaman yang terperinci terhadap aspek-aspek kehidupan yang mampu dikesan oleh pancaindera asas manusia. Dengan kata lain, fungsi karya sastera mengikut aliran "realisme" ini ialah menyediakan rakaman yang realistik terhadap kehidupan manusia, yang ditanggapi sebagai satu "kebenaran" yang tidak wajar diselindungi (Furst 1992:2-5). Kesenangan sastera Melayu dalam menerima aliran "realisme" ini antaranya diamati oleh S. Othman Kelantan, yang menganggap ia menjadi asas penghasilan beberapa buah

novel Melayu, seperti yang dijelaskannya dalam petikan di bawah:-

Sifat-sifat Realisme-Naturalisme-Romantis ini telah dimulakan oleh Hamzah dengan novelnya *Rumah Itu Dunia Aku* (1951), kemudian diteruskan oleh A. Samad Said dengan *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu*. Shahnnon Ahmad melalui *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Srengenge* telah menyempurnakan aliran Realisme-Romantis sebagai satu cara menghasilkan karya yang berjaya (S. Othman 1987:108).

Keselesaian Shahnnon terhadap fungsi sastera sebagai rakaman kehidupan manusia juga jelas, terutamanya apabila beliau mengungkap fungsi sastera sebagai "seismograf kehidupan". Dalam hal ini, Shahnnon menyamakan peranan karya sastera dengan fungsi "seismograf", iaitu sejenis alat perakam pergerakan gempa bumi (Shahnnon Ahmad 1993:3). Perbincangan tentang "realisme" dalam sastera Melayu juga tidak dapat meminggirkan Samad yang secara terbuka mengakui kecenderungannya terhadap aliran yang menjadi "trend" sastera di Barat itu. Menurut Samad, pegangannya terhadap aliran ini membolehkan beliau untuk merakamkan realiti kehidupan secara jelas, sebagaimana yang diakuinya:- "Saya memilih realisme kerana aliran ini saya kira boleh berkomunikasi sebaiknya dengan masyarakat saya. Tanpa mengurangi erti dan harga gerakan simbolis atau absurdisme, saya kira keadaan masih membolehkan kita untuk tidak bertopeng-topeng"(A. Samad Said 1992:55). Pada satu segi, kenyataan Samad yang turut menyebut aliran "simbolisme" dan "absurdisme" memberi petanda bahawa selain "realisme", sastera Melayu masa kini turut peka terhadap aliran-aliran lain yang datang dari Barat. Ini sekaligus memperkukuhkan lagi pemahaman tentang kecenderungan sastera Melayu terhadap perkembangan yang berlaku di Barat. Merujuk kepada aliran "realisme", penerimaan sastera Melayu terhadap aliran ini turut mendorong kecenderungan terhadap soal kelemahan, keburukan

dan kejahatan hidup manusia, yang dipaparkan dalam karya sastera, sebagaimana yang jelas dalam penjelasan Shahnnon, "...keindahan sesebuah karya itu adalah keindahannya merakamkan kebobrokan dalaman manusia dengan segala keunikan dan individualitinya penuh dengan konflik..."(Shahnnon Ahmad 1995a: 43). Penting juga untuk diketahui bahawa keselesaan Samad terhadap "realisme" antaranya turut dipengaruhi oleh tanggapan beliau bahawa aliran tersebut memberikan kebebasan kepadanya bagi merakamkan secara jelas dan terperinci perihal kehidupan manusia dalam novel, sebagaimana yang amati oleh Abdullah Tahir, "...realisme Samad adalah satu realisme yang benar-benar ditapis daripada suatu pemerhatian yang amat dekat dan teliti (Abdullah Tahir 1989: 81).

Seterusnya, pegangan terhadap aliran "realisme" turut memberikan kesan terhadap soal praktik dan penghasilan karya sastera, khususnya penekanan terhadap didaktisme. Prinsip utama aliran ini yang berusaha untuk mengekalkan ciri "judgement-free" dalam karya sastera banyak menyebabkan soal penilaian moral diserahkan ke tangan pembaca. Prinsip ini antaranya mewarnai pemahaman Samad yang secara sedar mengekalkan ciri "judgement-free" dalam karya-karya beliau, seperti yang jelas dalam pengakuannya, "...tentulah tidak begitu baik (berkesan?) jika seseorang penulis terlalu menyedari tentang falsafah itu dan falsafah ini. Semua ini seharusnya lahir secara spontan dan jujur" (A. Samad Said 1987:65). Pemahaman ini turut dilihat mempengaruhi pendirian Samad yang berusaha untuk mengaburkan unsur didaktik dalam karya sasteranya, yang dianggap akan menjadi ketara sekiranya beliau berpegang pada falsafah tertentu, terutamanya yang bersifat keagamaan atau moralistik, seperti yang jelas daripada kenyataan beliau dalam petikan di bawah:-

Sebaik-baik saja ia [merujuk kepada penulis] cuba menjadi seorang ahli falsafah secara sedar, maka **novelnya itu akan menjadi terlalu didaktik sehingga tidak mustahil akan**

mencatatkan pula karya atau unsur seninya.

Inilah yang paling saya takuti dan inilah juga sedapat-dapatnya cuba saya jauhi [Penekanan ditambah](A. Samad Said 1987:66).

Apa yang jelas dalam petikan di atas ialah pandangan Samad yang menganggap bahawa kehadiran unsur didaktik dapat menghakis nilai estetika karya sastera. Pandangan sasterawan Melayu itu sejajar dengan kenyataan Richard M. Eastman yang menyebut:-

A novelist, however, is not a preacher nor a systematic philosopher. He cannot develop his life's wisdom primarily through direct exhortation or reasoned essays. **His first business is to show the lives of imaginary people,** through which his wisdom must appear dramatically, in the vital terms by which his characters discover or lose their own worth [Penekanan ditambah](Eastman 1965:58).

Pemahaman yang serupa turut dikongsi oleh Shahnnon yang menganggap didaktisisme sebagai "penyakit" sastera yang perlu dielakan, seperti katanya:- "Pengarang terlalu ingin **mengajar pembacanya,** terlalu didaktik lagaknya sehingga sanggup mengorbankan keseniannya. **Penyakit ini perlu dikikis jauh-jauh**"[Penekanan ditambah](Shahnnon 1994:56). Pengamatan Abdullah Tahir turut memperlihatkan bagaimana kebimbangan terhadap unsur didaktik juga yang mendorong Ishak Haji Muhammad untuk memasukkan unsur fantasi pada bahagian akhir novel *Putera Gunung Tahan*. Meskipun menyedari unsur tersebut tidak selaras dengan logik-aqal, namun menurut Abdullah Tahir ia berguna bagi mengendurkan nilai didaktik dalam novel tersebut, sepertimana katanya:- "Ishak juga sedar bahawa apa yang ditulisnya adalah sebuah novel yang didaktik sifatnya...Untuk mengatasi hal inilah maka pada bahagian akhir

novel ini dimasukkan unsur-unsur fantasi yang tidak dapat diterima akal"(Abdullah Tahir 1989: 47). Dalam hal ini, penting untuk diamati pemahaman Shahnnon yang menganggap bahawa unsur didaktik yang disampaikan secara "langsung" (ungkapan Shahnnon) bukan sahaja merosakkan nilai seni, tetapi turut menghakis keberkesanan pengajaran yang terkandung melalui cerita (Shahnnon Ahmad 1994:56). Oleh itu, beliau menjelaskan bahawa lebih "bijak" sekiranya nilai didaktik atau moral disampaikan kepada pembaca secara santai dan menghiburkan. Pemahaman Shahnnon ini jelas sejajar dengan penjelasan Rene Wellek dan Austin Warren yang menekankan soal "keseronokan" (*pleasure*) dan "faedah" (*utility*) sebagai kriteria penting dalam memenuhi fungsi sastera (Wellek & Warren 1970:31). Berteraskan kedua-dua kriteria ini, soal menarik minat dan mengekalkan keseronokan pembaca turut diberikan perhatian oleh Shahnnon, yang pada masa yang sama menekankan fungsi "cerita" sebagai cara untuk memaparkan pengalaman hidup manusia (Shahnnon Ahmad 1994:63). Praktik sastera yang seumpama ini dirujuk oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (seterusnya Ungku Maimunah) sebagai pendekatan "sugar-coated pill theory" teori ubat bersalut gula), sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau:- "Prinsip ini dianggap sebagai tafsiran tepat tentang konsep sastera yang dikatakan mempunyai "isi" yang perlu "diajar" tetapi perlu dilunakkan cara pengajarannya supaya pembaca mudah menerimanya dan tidak merasa digurui"(Ungku Maimunah 2000a:12-14). Apa yang penting dalam pengamatan beliau ialah pendekatan tersebut menjadi antara praktik dan mewarnai pemahaman sastera Melayu tentang fungsi kesusasteraan. Seajar dengan pemahaman ini, Arena Wati berpendapat bahawa "cerita" yang baik adalah paduan pelbagai unsur, yang membolehkan "pengertiannya" (merujuk soal nilai moral atau didaktik) disampaikan kepada pembaca secara menghiburkan (Arena Wati 1996:13). Kecenderungan yang lebih mirip kepada penyampaian "cerita yang menarik" ini dilihat turut menjadi pegangan Samad, yang mengakui bahawa keinginannya untuk bercerita merupakan "tangga-tangga awal" (ungkapannya sendiri) dalam proses kreatifnya (A. Samad Said 1987: 10). Ini mendorong kesimpulan beliau

yang menganggap bahawa proses kreatifnya sebagai, "bermula dari mengisi semacam meyakini diri sendiri, kepada mengisi **kepuasan ingin menghibur**, berpindah kepada mengisi **kepuasan ingin bercerita** dan akhirnya mengisi kepuasan ingin menuang pengalaman bagi penghayatan umum"(A. Samad Said 1992:52). Dalam konteks ini, Shahnnon turut mengakui bahawa keseronokan beliau untuk bercerita mendorong penglibatannya dalam kegiatan sastera (Shahnnon Ahmad 1995b:1). Perbincangan turut mendapati bahawa pemahaman sastera Melayu tentang fungsi "cerita" sebagai alat hiburan tidak banyak berbeza dengan pemahaman orang Barat, sebagaimana yang diperjelaskan oleh David Daiches dalam petikan di bawah:-

...any kind of composition in prose or verse which has for its purpose not the communication of fact but **the telling of a story** (either wholly intend or given new life through invention) or **giving of pleasure** through some use of the inventive imagination of the employment of words [Penekanan ditambah](Daiches 1956: 4).

Keselesaan orang Barat terhadap konsep "belajar sambil berhibur" juga tergambar dalam penjelasan J. Miller yang menekankan fungsi "cerita" dalam karya sastera sebagai medium pembelajaran yang berkesan, seperti katanya:- "We need fictions in order to experiment with possible selves and to learn to take our places in the real world, to play our parts there"(Miller 1995: 69).

Terlepas daripada persoalan di atas, perbincangan seterusnya mengamati tentang praktik sastera Barat yang menilai mutu kesusasteraan karya sastera berasaskan ukuran penilaian yang relatif, iaitu penilaian yang boleh berubah-ubah mengikut kesesuaiannya dengan perkembangan dan perubahan semasa. Praktik ini, umpamanya jelas dalam kes novel Ulysses

karya James Joyce yang dihadapkan ke Mahkamah Persekutuan New York pada tahun 1921 atas tuduhan lucah. Ciri kerelatifan dalam penilaian mutu kesasteraan novel ini jelas apabila Hakim John Woosley yang mengadili kes itu menjadikan faktor "selera pembaca" sebagai kayu ukurnya, sebagaimana yang jelas dalam kertas huraian keputusannya yang menyebut:- "Whether or not one enjoys such a technique as Joyce uses is a **matter of taste on which disagreement is futile**, but to subject that technique to the standards of some other technique seems to me to be little **short of absurd**" [Penekanan ditambah] (Ernst & Schwatz 1964:98). Kenyataan Hakim Woosley yang menganggap bahawa pandangan tentang teknik penceritaan Joyce itu sebagai "a matter of taste" (bergantung kepada citarasa individu) dan perbincangan mengenainya itu adalah sesuatu yang "sia-sia" (*futile*) dengan jelas memperlihatkan keberatan beliau untuk menggunakan kerangka penilaian yang bersifat definitif. Penggunaan kerangka ini menyebabkan novel *Ulysses* yang sebelum itu menimbulkan kontroversi di Barat dan dianggap sebagai novel lucah dan tidak bermoral kerana kehadiran perkataan yang dianggap lucah dan kotor ketika itu. Kemudiannya dianggap oleh Hakim Woosley sebagai novel yang bermutu tinggi (Pekham 1969:17). Kecenderungan yang sama juga diperlihatkan dalam kes novel *Lady Chatterley's Lover* karya D.H. Lawrence yang menimbulkan kontroversi dan diharamkan oleh mahkamah di England dan Amerika Syarikat pada tahun 1928. Pengharaman ini disebabkan oleh gambaran babak-babak seks eksplisit dan penggunaan sejumlah perkataan yang masih dianggap lucah dan taboo. Ini menyebabkan novel *Lady Chatterley's Lover* mendapat kecaman daripada pelbagai pihak yang rata-rata mengutuk cara penulisan Lawrence dengan pelbagai gelaran, antaranya "Shameful Book- A Landmark in Evil" (Buku yang Memalukan - Petanda Kejahatan) dan "The Most Evil Outpouring That Has Ever Besmirched the Literature of Our Country" (Satu Limpahan Kejahatan yang Mengotori Dunia Kesusasteraan Kita) (Moore 1953:21). Walau bagaimanapun, selepas 32 tahun, pengharaman dan kecaman terhadap novel tersebut berubah menjadi pujian serta pengiktirafan

terhadap mutu kesasteraannya apabila pada tahun 1960, mahkamah di England menarik semula segala tuduhan ke atas penerbit novel ini. Pengiktirafan terhadap mutu kesasteraan novel *Lady Chatterley's Lover* ini antaranya jelas dalam pengakuan Dr. C.V. Wedgwood, seorang tokoh yang sering dilantik menjadi panel beberapa anugerah sastera, seperti Somerset Maugham Prize, Hawthorne Prize dan W.H. Smith Prize, yang menerusi keterangannya menganggap novel Lawrence ini sebagai, "...a very important one in his [merujuk kepada D.H. Lawrence] works, and it is fine and honest and moving account of an extremely important theme"(Rolph 1961:109). Apa yang ketara dalam kes ini, novel *Lady Chatterley's Lover* yang pada peringkat awalnya dianggap sebagai novel lucu, kemudiannya diiktiraf sebagai novel serius yang bermutu tinggi, sebagaimana yang jelas dalam kenyataan Indecent Publication Tribunal of New Zealand yang menganggapnya sebagai, "...a seriously written work by an author who has an established place in the field of English literature" (Karolides, Bald & Sova 1999:302-303).

Sehubungan itu, praktik dalam penilaian mutu kesasteraan karya sastera Melayu masa kini juga memperlihatkan kecenderungan yang hampir serupa. Pengamatan Ungku Maimunah terhadap proses kesasteraan yang dilalui novel Salina antaranya memperlihatkan bagaimana pertikaian panel hakim Peraduan Menulis Novel 1958 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang tertumpu soal moral dan kelucahan telah menjejaskan nilai kesasteraan novel tersebut (Ungku Maimunah 1993:47-61). Ini, menurut beliau ketara apabila novel tersebut hanya diberikan hadiah saguhati dan tidak disokong untuk tujuan penerbitan, selain disarankan supaya diubah judul asalnya. Namun, pujian dan pengiktirafan sarjana dari luar negara terhadap novel ini dilihat oleh Ungku Maimunah telah mengubah tanggapan negatif terhadap Salina dan sekaligus menenggelamkan soal moral dan kelucahan, yang awalnya menjadi pertikaian. Kesasteraan Salina dilihat sekali lagi berubah dengan kebangkitan wacana "Sastera Islam" di Malaysia pada sekitar tahun 1970an, yang sekali lagi menimbulkan soal moral dan kelucahan novel

tersebut. Namun, pertikaian tersebut tidak pula menafikan kekuatan Salina apabila ia menyumbangkan merit dalam pemilihan A. Samad Said sebagai penerima Anugerah Sasterawan Negara 1985, sebagaimana yang jelas dalam Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1985 (1985: 12) yang memperakukan bahawa:- **"Salina membawa perubahan** kerana tidak lagi membawa tema tertentu, apa lagi perutusan yang jitu...**pembaharuan yang telah dibawa oleh Salina dalam penulisan novel Melayu...tidak sedikit** datangnya daripada ketabahan A. Samad Said yang ingin mencipta sesuatu yang bererti dalam kesusasteraan Melayu"[Penekanan ditambah]. Terserlah dalam pengamatan Ungku Maimunah ini ialah soal turun-naiknya nilai kesasteraan novel Salina, iaitu akibat perubahan kerangka pengukuran mutu kesasteraan yang digunapakai. Ini sekaligus memperakukan kerelatifan kerangka nilai dalam sastera Melayu, dalam erti kata, ia bergantung kepada faktor-faktor yang dinamakan oleh Ungku Maimunah sebagai "faktor luar teks" yang menurut beliau sentiasa berubah-ubah, sebagaimana yang dijelaskan oleh Ungku Maimunah, "...berubahnya takrif "sastera" dan "kesasteraan" sekali lagi guna untuk menampung konteks yang baru"(Ungku Maimunah 1993:58). Tidak kurang pentingnya juga ialah pengamatan beliau turut mendapati bahawa faktor "selera pembaca" yang bersifat subjektif turut menjadi antara kriteria pengukuran yang digunapakai terhadap novel tersebut (Ungku Maimunah 1993:56).

Sehubungan itu, penting untuk diamati pengamatan Ungku Maimunah tentang kecenderungan sarjana dan pengkritik sastera Melayu terhadap pengiktirafan dan reaksi sarjana Barat. Menurut beliau, kecenderungan sastera Melayu "moden" terhadap Barat ketara dalam kes novel Salina, apabila pujian yang diberikan oleh A. Teeuw dari Universiti Leiden mengubah persepsi dan tanggapan sarjana tempatan, seperti yang dijelaskan dalam petikan di bawah:-

...dengan 'credibility' Profesor Teeuw yang memang sudah mengukir nama dalam dunia sastera Melayu, hakikat bahawa penilaian beliau dengan mudah dapat mempengaruhi kritikan dan apresiasi karya kreatif merupakan satu kenyataan yang sukar dipertikaikan" (Ungku Maimunah 1993:55).

Pemahaman ini juga dapat diperkukuhkan dengan kes novel *Lingkar* karya Arena Wati, yang memperlihatkan bagaimana pujian yang diberikan oleh A. Teeuw dan Rolvink dari Universiti Leiden dikatakan mempengaruhi keputusan Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1967 dalam pemilihannya sebagai teks wajib bagi matapelajaran sastera di sekolah. Seterusnya, menarik untuk diketahui bahawa kecenderungan sastera Melayu terhadap Barat dikesan lebih awal lagi, sekurang-kurangnya sebelum kes novel *Salina dan Lingkar*. Ia dikatakan bermula seawal abad ke 19 Masihi apabila karya-karya Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dijadikan sebagai "batu sempadan" yang menandakan bermulanya era "kemodenan" dalam sastera Melayu (Ungku Maimunah 2000b:99). Selain mengangkat Abdullah sebagai "Bapa Kesusasteraan Melayu Moden" seperti yang diajukan oleh Al Attas, pengamatan Ungku Maimunah turut menyerlahkan kepentingan peranan yang dimainkan oleh orang Barat dalam penobatan Abdullah, yang sekaligus membina period "Kesusasteraan Melayu Moden"(Ungku Maimunah 1997:183). Pengaruh Barat juga jelas pada kes novel *Salah Asuhan* karya Abdul Muis yang diterbitkan oleh Balai Pustaka pada tahun 1928. Menurut Paul Graham Tickell, tindakan Abdul Muis dalam versi asal novel yang memaparkan kejahatan dan keburukan watak-watak orang Barat telah menimbulkan rasa tidak senang pihak Balai Pustaka, dan ini mendorong beberapa pengubahsuaian terhadap teks asal novel berkenaan (Tickell 1982:201). Perubahan yang dilakukan oleh Abdul Muis, iaitu dengan "membaikkan" watak-watak orang Barat ini dianggap menepati takrif kesusasteraan yang dibentuk oleh penjajah Belanda yang

mengawasi Balai Pustaka, sebagaimana yang dijelaskan oleh Ungku Maimunah:- "Karya hanya akan menjadi sastra dan mempunyai nilai "kesasteraan" apabila Barat itu baik" (Ungku Maimunah 1995:54). Ini, dengan sendirinya menjelaskan tentang kehadiran dan peranan Barat yang seterusnya memungkinkan kecenderungan sastra Melayu terhadap konsep dan praktik kesusasteraan mereka, seperti yang jelas dalam ramalan Mohd. Affandi (2002:45) dalam petikan di bawah:-

Dalam masa tidak sampai 10 dari sekarang, sastra Melayu moden akan menjadi apendiks kepada sastra Barat sepenuhnya, dengan memberikan penekanan kreatif kepada kemahuan hawa nafsu manusia, seperti yang berlaku di barat"[Penekanan ditambah]

Kesimpulan

Tinjauan di atas yang memanfaatkan pengakuan sasterawan tentang proses kreatif mereka dan pengamatan pengkritik dapat melakarkan beberapa pemahaman tentang kesan kehadiran pengaruh Barat terhadap kesusasteraan Melayu. Apa yang ketara daripada perbincangan ini ialah kecenderungan sastra Melayu terhadap konsep dan praktik kesusasteraan Barat, yang antaranya terserlah melalui kesenangan mereka menerima konsep sastra berasaskan "mimesis" dan "realisme". Begitu juga dengan pemahaman-pemahaman lain, umpamanya fungsi sastra sebagai alat untuk "mengajar sambil berhibur" serta penggenduran ciri didaktisisme yang dengan jelas menyerlahkan kesejajaran sastra Melayu dengan konsep sastra Barat. Konsep-konsep sastra Barat ini kemudiannya turut mendorong kepada pelaksanaan beberapa praktik sastra yang sekaligus memperkukuhkan pemahaman tentang keintiman sastra Melayu dengan Barat. Ini, umpamanya jelas daripada praktik penilaian mutu karya sastra yang bersandarkan kepada ukuran nilai yang

relatif, yang memungkinkan penilaian dan kedudukan sesebuah karya sastra itu berubah-ubah mengikut perkembangan semasa. Kesemua contoh ini dengan jelas memperkukuhkan suatu pemahaman yang penting, iaitu sastra Melayu masa kini memang cenderung terhadap perkembangan dan perubahan yang berlaku di Barat. Kecenderungan ini mengundang persoalan lanjut, lantaran ia dianggap oleh Al Attas tidak dapat mencerminkan dengan jelas dan tepat akan sifat serta ciri kebudayaan Melayu, sebagaimana yang ditimbulkan pada awal perbincangan. Dakwaan ini dengan sendirinya turut menganjukkan ufuk-ufuk kajian (*push the frontiers of research*), khususnya kemungkinan terhadap perbincangan yang dapat menyerlahkan sifat dan ciri hakiki kebudayaan Melayu melalui karya sastra.

Nota

- 1 Di Tanah Melayu, penjajah British telah memperkenalkan "Sistem Residen" yang memperuntukan kuasa pentadbiran Residen British kepada segala urusan, KECUALI agama dan adat resam. Pemisahan agama daripada hal ehwal petadbiran ini dianggap sebagai satu daripada bentuk dasar "Deislamization" yang paling awal dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu. Sila rujuk Che Yusoff bin Che Mamat, *Sekularisme Perkembangannya dalam Masyarakat Muslim*, Al Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 64. Lihat juga M.A. Rauf, *A Brief History of Islam: With Special Reference to Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 94.
- 2 Soal kesan dasar-dasar bercorak "Deislamization" terhadap masyarakat Islam telah dibincangkan secara lebih khusus pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, "Dilema Muslim: Beberapa Penelitian Terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al Attas", *Jurnal YADIM*, Yayasan Dakwah Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Vol 14, April, 2002, hlm. 76.

- 3 Oleh kerana masalah kekurangan tenaga pengajar, novel *Lingkar* dikatakan tidak dapat dijadikan sebagai teks sastera. Nada tulisan Arena Wati antaranya memperjelaskan bagaimana saranan (recommendation) yang diberikan oleh A. Teew dan Rolvink yang mendorong Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran ketika itu memilih novel ini sebagai teks sekolah. Sila amati perbincangan Arena Wati dalam *Jejak Kreatif*, hlm. 5-6.

Rujukan

- Abdul Ghani Ismail, 1986. *Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu Daripada Tradisi Intelektualisme Islam*. Dlm. Ismail Hussein (pngr.). *Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Tahir, 1989. *Proses Penciptaan Novel Ishak Haji Muhammad, A. Samad Said & Shabnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahlstrom, S.E., 1972. *A Religious History of The American People*. New Haven: Yale University.
- Al Attas, SMN, 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Al Attas, SMN, 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Arena Wati, 1996. *Jejak Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A Samad Said, 1987. *Dari Salina ke Langit Petang: Proses Mencipta Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- A.Samad Said, 1992. *Antara Bulan dan Wira: Edisi Khas Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auerbach, E., 1971. *Mimesis: The Representation of Reality in Western Literature*. Terj. Williard Trask. Princeton: Princeton University.
- A.Wahab Ali, 1988. *Tradisi Pembentukan Sastera Melayu Moden*. Petaling Jaya: Sarjana.
- Awang Had Salleh, 1979. *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayoub, M.M., 1989. Roots of Muslim-Christian Conflict. Dlm. *The Muslim World*. Vol:LXXXIX (1) January.
- Che Yusoff bin Che Mamat, 1988. *Sekularisme Perkembangannya dalam Masyarakat Muslim*. Kuala Lumpur: Al Rahmaniah.
- Cupitt, D., 1991. *What is A Story?* London: SCM.
- Daiches, D., 1956. *Critical Approach to Literature*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Eastman, R.M.,1965. *A Guide to the Novel*. San Francisco: Chandler.
- Ernst, M. L. & Schwatz, A.U., 1964. *Censorship: The Searching for the Obscene*. New York: Macmillan.
- Furst, L.R. ,1992. (pnyt.). *Realism*. Essex: Longman House.
- Gebauer, G. & Wulf, C., 1992. *Mimesis: Culture- Art-Society*. Berkeley:
- Awang Had Salleh, 1979. *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ayoub, M.M., 1989. Roots of Muslim-Christian Conflict. Dlm. *The Muslim World*. Vol:LXXXIX (1) January.
- Che Yusoff bin Che Mamat, 1988. *Sekularisme Perkembangannya dalam Masyarakat Muslim*. Kuala Lumpur: Al Rahmaniah.
- Cupitt, D., 1991. *What is A Story?* London: SCM.
- Daiches, D., 1956. *Critical Approach to Literature*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Eastman, R.M.,1965. *A Guide to the Novel*. San Francisco: Chandler.
- Ernst, M. L. & Schwatz, A.U., 1964. *Censorship: The Searching for the Obscene*. New York: Macmillan.
- Furst, L.R. ,1992. (pnyt.). *Realism*. Essex: Longman House.
- Gebauer, G. & Wulf, C., 1992. *Mimesis: Culture- Art-Society*. Berkeley: University of California.
- Lyons, J.D. & Nichols Jr, S.G., 1982. *Mimesis: From Mirror to Method: Augustine to Descartes*. Hanover: University Press of New England.
- McKeon, R., 1952. Literary Criticism and The Concept of Imitation in Antiquity. Dlm. Crane, R.S. (pnyt.) *Critics and Criticism: Ancient and Modern*. Chicago: The University of Chicago.
- Miller, J.H.,1995. Narratives. Dlm. Lentricchia, F. & McLaughlin, T. (pnyt.) *Critical Terms for Literary Studies*. Second Edition. Chicago: The University of Chicago.

- Mohd. Affandi Hassan, 2002. Pujangga Melayu dan Persuratan Baru Menjadi Duri dalam Daging Sastera Melayu Moden?. Dlm. *Dewan Sastera*. Ogos
- Mohd. Affandi Hassan, 1999. Persuratan Baru dan Cabaran Intelektual: Menilai Kembali Kegiatan Kreatif dan Kritikan. *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 6-8 Disember.
- Mohd. Affandi Hassan, 1994. *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu: Sanggahan Terhadap Syarahan Perdana Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh (Sarjana dan Sasterawan Negara)*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri.
- Mohd. Zariat Abdul Rani, 2002. Dilema Muslim: Beberapa Penelitian Terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al Attas. *Jurnal YADIM*. Vol 14. April.
- Moore, H.T., 1953. (pnyt.). *D.H. Lawrence: Sex, Literature and Haji Salleh (Sarjana dan Sasterawan Negara)*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri.
- Mohd. Zariat Abdul Rani, 2002. Dilema Muslim: Beberapa Penelitian Terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al Attas. *Jurnal YADIM*. Vol 14. April.
- Moore, H.T., 1953. (pnyt.). *D.H. Lawrence: Sex, Literature and Censorship*. New York: Twayne.
- Muir, E., 1929. *The Structure of the Novel*, Harcourt. New York: Brace and Company.
- Peckham, M., 1969. *Art and Pornography, An Experiment in Explanation*. New York: Basic Books.

- Rand, A., 2000. *The Art of Fiction: A Guide for Writers and Readers*. New York: Plume.
- Rauf. M.A., 1964. *A Brief History of Islam: With Special Reference to Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rolph, C.H. (pnyt.), 1961. *The Trial of Lady Chatterley: Regina vs Penguin Limited*. Maryland: Penguin Books.
- Shafie Abu Bakar, 1977. Pengarang 'Atheis' Sengaja Kalahkan Agama. Dlm. *Al Islam*, 15 Jun.
- Shahnon Ahmad, 1995a. Kesusasteraan dan Permasalahan Manusia. Dlm. Mohd. Yusof Hasan (pngr.) *Koleksi Terpilih Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad, 1995b. *Pongang Sastera: Gema Karya Kreatif dan Kesannya Terhadap Khalayak*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Shahnon Ahmad, 1994. *Sastera: Pengalaman, Ilmu, Imaginasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad, 1993. *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan, 1987. *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surmelian, L., 1968. *Techniques of Fiction Writing: Measure and Madness*. New York: Anchor.

- Tickell, P.G., 1982. Good Books, Bad Books, Banned Books: Literature, Politics and the Pre-War Indonesian Novels. *Tesis Sarjana Department of Indonesian and Malay Studies*. Monash University.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2000a. Sastera Menjana Fikiran Masyarakat. Kertas Kerja *Seminar Kebangsaan Teks Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur. 12-14 Julai.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2000b. The Construction of Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi as The Father of Modern Malay Literature: The Role of Westerners. Dlm. Smith, D. (pnyt.). *The Canon in Southeast Asian Literature*. Richmond: Curzon.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1999. Kerangka Konseptual "Kemodenan" Sastera Melayu" Satu Penilaian Kembali Tulisan Barat. Kertas kerja *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Bandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 24-27 Ogos.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1997. R.J. Wilkinson dan Pensejarahan Kesusasteraan Melayu Moden. Dlm. Shafie Abu Bakar & Mohamed Anwar Omar Din (pngr), *Peradaban Melayu. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1995. Kaedah Intergrasi dalam Kajian Sastera. Dlm. S. Jaafar Husin (pngr).1995. *Penelitian Sastera: Metodologi dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*Politics and the Pre-War Indonesian Novels*. Tesis Sarjana Department of Indonesian and Malay Studies. Monash University.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2000a. Sastera Menjana Fikiran Masyarakat. Kertas Kerja *Seminar Kebangsaan Teks Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur. 12-14 Julai

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2000b. The Construction of Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi as The Father of Modern Malay Literature: The Role of Westerners. Dlm. Smith, D. (pnyt.). *The Canon in Southeast Asian Literature*. Richmond: Curzon.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1999. Kerangka Konseptual "Kemodenan" Sastera Melayu" Satu Penilaian Kembali Tulisan Barat. Kertas kerja *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Bandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 24-27 Ogos.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1997. R.J. Wilkinson dan Pensejarahan Kesusasteraan Melayu Moden. Dlm. Shafie Abu Bakar & Mohamed Anwar Omar Din (pngr), *Peradaban Melayu*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1995. Kaedah Intergrasi dalam Kajian Sastera. Dlm. S. Jaafar Husin (pngr).1995. *Penelitian Sastera: Metodologi dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1993. Perihal Kesasteraan Novel Salina: Satu Undangan untuk Merenung Kembali Tradisi Kritikan Kita? Dlm. *Sari* (11).

Wellek, R. & Warren, 1970. *A Theory of Literature*. New York: A Harvest. Yusoff Zaki Jacob, 1987. Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu dari Intelektualisme Islam. Dlm. Ismail Hussien (pngr.). *Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.